

Headline	Pelajar UiTM maut kemalangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	8	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	703 cm ²
Journalist	RAIHAM MOHD SANUSI	AdValue	RM 8,935
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,805



Pelajar UiTM maut kemalangan

Hasrat untuk menghabiskan cuti semester di kampung tidak kesampaian apabila terlibat nahas di Kijal, semalam

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN – Hasrat pelajar tahun kedua Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun untuk menghabiskan cuti semester di kampungnya di Temerloh, Pahang tidak kesampaian apabila maut dalam nahas di Kijal, semalam.

Muhammad Akmal Abd Rahman, 20, cedera parah di kepala meninggal dunia di tempat kejadian dekat simpang empat lampu isyarat Bukit Anak Dara, Kijal di Kilometer 135 Jalan Kuala Terengganu-Kuantan.

Ketika kejadian jam 10.30 pagi itu, mangsa yang mengambil jurusan Diploma Kejuruteraan Elektrik sedang dalam perjalanan pulang ke rumah keluarganya di Kampung Telok Sentang, Temerloh dengan menunggang motosikal Yamaha LC secara bersendirian selepas selesai menduduki kertas peperiksaan akhir kelmarin.

Nahas dipercayai berlaku apabila motosikal yang ditunggang mangsa merempuh sebuah Proton Preve di tengah-tengah kawasan lampu isyarat.

Abang mangsa yang bertugas Eksekutif Pengiklanan *Sinar Harian* di Shah Alam, Mohd Hafizul, 30, berkata, adik bongsunya itu tidak menunjukkan sebarang perubahan ketika kali terakhir mereka berjumpa

dua bulan lalu.

“Saya rapat dengan arwah dan kami kerap berhubung menerusi aplikasi *WhatsApp*. Malah, semalam (kelmarin), arwah ada memaklumkan dalam grup *WhatsApp* keluarga yang dia mahu balik ke kampung pagi ini.

“Saya tahu kejadian menimpa adik ini selepas ayah menghubungi saya kira-kira jam 11 pagi,” katanya yang masih terkejut dengan berita berkenaan.

Pesan jangan bawa laju

SEMENTARA itu, ibunya, Maimun Kasim, 60, berkata, dia tidak menduga akan kehilangan anak.

“Dalam jam 8 pagi tadi (semalam) suami makcik, Abd Rahman Jaafar, 63, menghubungi arwah dan arwah cakap sedang bersiap-siap untuk balik ke kampung. Suami juga sempat pesan agar jangan bawa motosikal laju-laju. Arwah maklumkan yang dia cuti sehingga akhir Jun,” katanya sebak.

Sementara itu, kakak mangsa yang juga anak ketiga daripada tujuh beradik, Masniza, 31, berkata, ketika pulang ke rumah selama dua minggu sempena cuti minggu ulangkaji, adiknya itu tidak menunjukkan sebarang perubahan sikap.

“Arwah ada mengadu pada saya jurusan yang diambil agak susah tapi

saya beri semangat kepadanya. Tak sempat dia habis belajar, arwah sepatutnya habis belajar pada 2016.

“Dia juga baru setahun ada motosikal, sebelum ini dia balik kampung naik bas. Kami sekeluarga benar-benar terasa kehilangannya apatah lagi arwah adalah anak bongsu,” katanya ketika ditemui di Unit Forensik, Hospital Kemaman.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Che Suza Che Hitam yang mengesahkan kejadian itu berkata, motosikal dinaiki mangsa merempuh pintu hadapan sebelah kiri Proton Preve yang dipandu oleh seorang lelaki berusia 47 tahun yang dalam perjalanan dari Ibok ke Kijal.

Bagaimanapun, katanya, siasatan lanjut mengenai punca kemalangan masih dalam siasatan pihak polis.



Motosikal Yamaha LC yang ditunggangi mangsa rosak teruk.

Headline	Pelajar UiTM maut kemalangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	8	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	703 cm ²
Journalist	! RAIHAM MOHD SANUSI	AdValue	RM 8,935
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,805



Kereta remuk di bahagian penumpang depan kiri akibat pelanggaran.



Maimun (kanan) dan Masniza (dua, kanan) kelihatan sugul ketika datang menuntut jenazah di Unit Forensik, Hospital Kemaman di Chukai, semalam.